

What's Inside:

KATA-KATA ALUAN DARI KETUA
JABATAN

LATIHAN KEMAHIRAN (TOT)
MENGUNAKAN PERISIAN MI-
CROSOFT PROJECT BAGI
KURSUS BFC 43201
APLIKASI PERISIAN
KEJURUTERAAN AWAM

OGOS 2016

LAWATAN KE TAPAK BINA KOM-
PLEKS FKEE, FKAAS

OKTOBER 2016

PENCAPAIAN RESEARCH AND
INNOVATION FESTIVAL (R&I
FEST 2016) - PAHC

NOVEMBER 2016

PAHC JOHAN KESELURUHAN
MARATEX 2016

NOVEMBER 2016

LAWATAN KE MENARA PJH,
PUTRAJAYA

DISEMBER 2016

LAPORAN PERJUMPAAN BER-
SAMA PERBADANAN PE-
RUMAHAN RAKYAT 1 MALAYSIA
(PRIMA)

DISEMBER 2016

BIDDATA STAF BARU—DR LEE
YEE YONG

SEKALUNG TAHNIAH

KATA—KATA ALUAN DARI KETUA JABATAN

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Ribuan terima kasih kepada Dr Nor Haslinda Abas dan Puan Nur Nasuha Abd Salam yang berusaha keras bagi memastikan penerbitan Lensa ini dapat diteruskan. Dengan kerjasama yang hebat daripada ahli-ahli jabatan, pelbagai aktiviti telah dapat dilaksanakan dengan jayanya. Lensa kali ini memaparkan pelbagai aktiviti yang telah dijalankan oleh rakan-rakan jabatan seperti lawatan ke tapak binan kompleks FKEE, latihan kemahiran “TOT” menggunakan *Microsoft Project*, lawatan ke Menara PJH, perbincangan bersama PR1MA dan kejayaan yang cemerlang di R&I Fest 2016 dan MARATEX 2016. Semoga usaha murni semua ini dapat memberi manfaat kepada semua.

Sebagai pengakhir bicara, saya ingin memohon ampun dan maaf kepada semua, jika sepanjang saya memegang tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Bangunan & Pembinaan ini ada melakukan apa-apa kesilapan atau mengguris perasaan mana-mana pihak. Terima kasih kepada semua kerana memberi peluang dan kerjasama yang mantap kepada saya untuk melaksanakan tanggungjawab yang diamanahkan ini dengan baik. Saya harap JKBP dan JSKR akan terus maju di masa hadapan dan terus memberi manfaat kepada semua.

DR. RIDUAN BIN YUNUS

KETUA JABATAN KEJURUTERAAN BANGUNAN & PEMBINAAN

DR. AZEANITA SURATKON

KETUA JABATAN SENIBINA DAN KEJURUTERAAN REKA



LATIHAN KEMAHIRAN (TOT) MENGGUNAKAN PERISIAN MICROSOFT PROJECT BAGI KURSUS BFC 43201 APLIKASI PERISIAN KEJURUTERAAN AWAM

Penulis artikel : Hasniza Abu Bakar

Latihan Kemahiran (TOT) Menggunakan Perisian Microsoft Project anjuran Jabatan Kejuruteraan Bangunan dan Pembinaan (JKBP), FKAAS telah diadakan pada 29 – 30 Ogos 2016 bertempat di Makmal Komputer 2, FKAAS. Fasilitator bagi latihan kemahiran ini adalah Pn Siti Khalijah bt Yaman. Penyelaras Kursus adalah Tn Syed Burhanuddin Hilmi Syed Mohamad. Latihan ini telah dihadiri oleh semua pensyarah yang mengajar kursus BFC 43201 Aplikasi Perisian Kejuruteraan Awam bagi aplikasi Microsoft Project sahaja sebagai persediaan mengajar bagi Semester 1 Sesi 2016/2017. Manakala bagi aplikasi Esteem dan Stadpro akan dikendalikan oleh Jabatan Kejuruteraan Struktur dan Bahan (JKSB).




Microsoft Project 2013

**LATIHAN KEMAHIRAN (TOT)
MENGGUNAKAN PERISIAN
MICROSOFT PROJECT**

BFC 43201

Day 1
HARI : ISNIN (29/8/2016)
MASA : 9AM - 12 PM
LOKASI : MAKMAL KOMPUTER 2, FKAAS

Day 2
HARI : SELASA (30/8/2016)
MASA : 9AM - 5 PM
LOKASI : MAKMAL KOMPUTER 2, FKAAS

Anjuran JKBP FKAAS



OKTOBER 2016


LAWATAN KE TAPAK BINA KOMPLEKS FKEE, FKAAS

Penulis artikel : Nor Haslinda Abas

Pada 20 Oktober 2016 (Khamis), satu lawatan teknikal ke tapak projek Kompleks FKEE, UTHM telah diadakan yang melibatkan sebilangan staf akademik JKBP/JSKR. Tujuan lawatan ini diadakan adalah bagi mendedahkan para peserta kepada teknologi IBS yang digunakan dalam pembinaan kompleks ini. Untuk makluman, pembinaan Kompleks FKEE adalah menggunakan kaedah IBS dari jenis “*precast concrete framed system*”.

Sejurus sampai di pejabat tapak pada lebih kurang 3 petang, peserta telah diberi taklimat keselamatan oleh SHO yang bertugas, iaitu En. Azizan. Taklimat keselamatan ini adalah penting untuk menjaga keselamatan diri di tapak semasa sesi lawatan tapak nanti.

Sesi taklimat diteruskan dengan penerangan ringkas dari wakil Teraju Construction yang merupakan installer bagi sistem IBS di projek tersebut, iaitu En. Ridhwan. Antara kandungan taklimat adalah berkenaan kaedah utama pemasangan sistem IBS dari mula sehingga selesai. Setelah sesi taklimat dan soal jawab, peserta telah dibawa melawat tapak bina dan diberi penerangan mengenai komponen IBS yang dipasang. Sesi lawatan berakhir pada lebih kurang pukul 5.15 petang.



Penerangan mengenai kaedah pemasangan IBS precast concrete diterangkan oleh En Ridhwan.



Lawatan ke dalam bangunan FKEE yang sedang dibina



Para peserta bergambar kenangan di luar tapak bina bangunan FKEE



NOVEMBER 2016

PENCAPAIAN RESEARCH AND INNOVATION FESTIVAL (R&I FEST 2016) – PAHC

Penulis artikel : Norfarahayu Kariya

Pada 14 dan 15 November 2016 yang lalu, produk “Pro-act House Check” (PAHC) yang diketuai oleh pelajar Sarjana Kejuruteraan Awam, Norfarahayu Kariya dibawah penyeliaan Dr. Nor Haslinda Abas, Encik Hairuddin Mohammad dan Puan Khalijah Yaman, telah menyertai pertandingan Research and Inovation Festival 2016 (R&I Fest 2016) anjuran Pejabat Pengurusan Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia di Dewan Sultan Ibrahim (DSI). Terdapat dua kategori yang dipertandingkan iaitu kategori penyelidikan (terbuka untuk staf) dan kategori inovasi (terbuka untuk pelajar). Sebanyak 120 penyertaan daripada staf dan 54 penyertaan daripada pelajar. Dalam R&I Fest tersebut, PAHC telah memenangi anugerah khas kreativiti (*Creative Award*) bagi kategori pelajar. Sehubungan dengan itu, PAHC telah membawa pulang Wang Tunai sebanyak RM500 beserta plak dan sijil penyertaan.



PAHC JOHAN KESELURUHAN MARATEX 2016

Penulis artikel : Siti Khalijah Yaman

Sempena Simposium MARATeX 2016 yang lalu, Pro Act House Check (PAHC) yang dihasilkan hasil dari kerjasama Jabatan Kejuruteraan Bangunan dan Pembinaan, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (JKBP, FKAAS) serta MARA Japan Industrial Institute (MJII) telah terpilih mewakili Kategori Perkhidmatan (Idea Perniagaan) untuk dipertandingkan ke peringkat akhir yang berlangsung sempena Hari Inovasi MARA 2016. Hari Inovasi MARA telah dijalankan pada 3 November 2016 lalu di Ibu Pejabat MARA, Kuala Lumpur. Majlis yang disempurnakan oleh YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah ini telah menyaksikan sebanyak 60 produk dipertandingkan di bawah enam kategori meliputi Kategori Produk (Sekolah), Kategori Produk (Warga Kerja), Kategori Produk (Komuniti), Kategori Perkhidmatan (Tadbir Urus Korporat) dan Kategori Perkhidmatan (Idea Perniagaan) dan Kategori Perkhidmatan (Pendidikan dan Latihan).

Pada Hari Inovasi MARA 2016 ini, Johan bagi setiap kategori yang dipertandingkan menerima Wang tunai RM 10,000, plak dan sijil penghargaan. Selain dari itu, terdapat satu Anugerah Khas iaitu Anugerah Khas Inovasi MARA 2016 yang menerima Wang tunai RM 20,000, plak dan sijil penghargaan. Setiap produk dinilai berdasarkan empat (4) kriteria utama iaitu kreativiti, keberkesanan, relevan dan signifikan oleh tiga (3) orang panel juri MARATeX. Pro Act House Check (PAHC) terus menempa kejayaan apabila memenangi Johan bagi Kategori Produk (Idea Perniagaan) dan Johan Keseluruhan Hari Inovasi MARA 2016. Kejayaan tersebut memberi makna yang sangat besar kepada ahli kumpulan apabila berjaya memperoleh RM 30,000 sebagai hadiah kemenangan. Diharapkan kejayaan PAHC menjadi sumber inspirasi kepada penyelidik di fakulti ini khususnya di JKBP dan JSKR untuk menghasilkan produk yang dapat membantu masyarakat di sekeliling kita. Sekalung tahniah diucapkan kepada Hairuddin Mohammad, Nurfarahayu Kariya, Mohd Nor Mohd Sairi, Siti Khalijah Yaman, Dr Nor Haslinda Abas dan Zaid Yaakob atas kejayaan yang diperolehi.



LAWATAN KE MENARA PJH, PUTRAJAYA

Penulis artikel : Rafikullah Deraman

Pada 1 Disember 2016 (Khamis), satu lawatan akademik ke Menara PjH, Putrajaya telah diadakan yang melibatkan pelajar Seksyen 1 yang mengambil kursus BFC32602 (*Mechanical and Electrical System*). Seramai 60 orang pelajar telah terlibat dalam lawatan ini dan telah diiringi oleh seorang pensyarah JKBP iaitu En Syed Burhanuddin Hilmi bin Syed Mohamad. Rombongan lawatan bertolak dari UTHM pada seawal pagi 5.15 dan sampai di Menara PjH pada pukul 10.30 pagi. Para peserta lawatan telah diberi taklimat oleh En. Syahimi dan rakan-rakannya. Para pelajar telah dipecahkan kepada 2 kumpulan dan setiap kumpulan adalah mengikut topik yang dikehendaki. Sepanjang aturcara program ini berlangsung para pelajar telah dibawa melawat ke bahagian-bahagian dalam Menara PjH termasuk di bahagian atas bumbung bagi melihat struktur dan komponen yang dipasang di bahagian bumbung. Pada setiap ruang yang dibenarkan masuk, setiap peserta diterangkan dengan komponen dan peralatan yang dipasangkan pada bangunan ini seperti pemasangan *low-emissivity glass (low-e glass)* yang merupakan teknik pencahayaan untuk ruang dalaman bagi meminimumkan penggunaan lampu elektrik, rain water harvesting system di bahagian bumbung, pemasangan panel solar, dan Building Automation System (BAS). Rombongan lawatan telah bertolak pulang ke UTHM pada pukul 2.30 petang dan sampai di UTHM pada pukul 7 petang. Hasil lawatan ini telah banyak mendedahkan para peserta kepada maklumat terkini berkenaan dengan contoh



28 DISEMBER 2016

LAPORAN PERJUMPAAN BERSAMA PERBADANAN PERUMAHAN RAKYAT 1 MALAYSIA (PR1MA)

Penulis artikel : Muhammad Fikri Hasmori

Pada 28 Disember 2016, beberapa orang penyelidik daripada JRC, Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar (FKAAS) telah mengadakan perbincangan bersama pihak PR1MA berkenaan idea penubuhan Pusat *Industrialized Building System* (IBS) Zon Selatan. Pasukan penyelidik ini terdiri daripada Dr Nor Haslinda Abas, Dr Riduan Yunus, Dr Sasitharan Nagapan, Dr Muhammad Fikri Hasmori dan diketuai oleh YBhg Dekan, Prof Madya Dr Abd Halid Abdullah. Bertempat di Pejabat Perbadanan PR1MA Malaysia, perbincangan selama satu jam ini telah berjaya menghasilkan input-input bernas serta perkongsian ilmu yang diharapkan daripada pemaju terbesar di Malaysia (PR1MA) pada masa ini.

Sedikit berkenaan latar belakang PR1MA. PR1MA telah ditubuhkan pada tahun 2011 sebagai salah satu aspirasi kerajaan untuk mewujudkan perumahan rakyat dalam usaha menangani kekurangan rumah mampu milik untuk golongan berpendapatan sederhana. Golongan yang dimaksudkan adalah yang berpendapatan isi rumah sebanyak RM2,500 sehingga RM 10,000. Sejak penubuhannya, PR1MA telah berjaya menghasilkan ribuan unit rumah untuk golongan sasaran dan dijangka akan mencecah 80,000 unit rumah pada hujung tahun 2018.

Berbalik kepada topik perbincangan, pihak PR1MA diwakili oleh Naib Presiden Strategi Pengurusan Kos, En Mohammad Hasan bersama beberapa staf yang pakar berkaitan IBS. Perbincangan dimulakan dengan Pihak PR1MA memberi sedikit penerangan dan status semasa pembangunan projek PR1MA di seluruh Malaysia. Berdasarkan data mereka, Johor adalah negeri kedua terbesar selepas Selangor sebagai Pengeluar produk IBS. Ini secara langsung menyokong idea penubuhan Pusat IBS bagi Zon Selatan. Seterusnya, pihak PR1MA ada mencadangkan agar Pusat IBS yang hendak ditubuhkan ini dilengkapi dengan fasiliti untuk pengujian kerana ianya akan dapat memberi nilai tambah dan kemudahan kepada pembangunan yang menggunakan teknologi IBS di kawasan Selatan. Pihak PR1MA juga ada membangkitkan beberapa isu berkaitan penggunaan IBS, antaranya adalah kurangnya penerimaan di kalangan kontraktor, kurangnya ilmu tentang tatacara pengendalian dan kualiti produk IBS itu sendiri. Masalah utama yang sering dihadapi adalah kurangnya koordinasi antara pengeluar dan keadaan sebenar di

tapak bina. Hal ini bukan sahaja telah mengakibatkan pembaziran masa dan wang ringgit, malah telah menjejaskan integriti struktur yang dibina. PR1MA mencadangkan agar ekosistem penghasilan serta penggunaan produk IBS ini distruktur semula agar penggunaan produk IBS di Malaysia dapat ditingkatkan ke tahap yang lebih optimum. Perbincangan berakhir pada jam 4.30 petang.



BIDDATA STAF BARU – DR LEE YEE YONG

Yee Yong Lee is currently a lecturer in Universiti Tun Hussien Onn Malaysia. She obtained her Ph.D in 2016 with the research of “Impact of Thermal Behaviour on Outdoor Human Thermal Comfort in Tropical Climate” in Civil Engineering. Referring to published articles, her research interests can be listed as Human thermal comfort, thermal behaviour, built environment and Urban Heat Island (UHI) phenomenon in sustainable construction who later practice the concept of sustainability and preservation of natural environment for future generation. There are some research outputs for Dr. Lee can be highlighted, which include several book chapters publication, SCI journal publication, conference and several international and national research collaboration.



SEKALUNG TAHNIAH

Kenaikan pangkat

Tahniah diucapkan kepada Prof Madya Dr Noor Yasmin Zainun di atas kenaikan pangkat ke DS54 (Prof Madya). Tahniah juga diucapkan kepada Puan Siti Khalijah Yaman di atas kenaikan pangkat ke J44 (Pengajar Kanan).



Pencapaian

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Prof Madya Dr Noor Yasmin di atas penganugerahan Anugerah Insentif Khas Naib Canselor (Kebangsaan) dan Anugerah Insentif Khas Universiti (Antarabangsa) bersempena Majlis Penyampaian Anugerah Kecemerlangan Penyelidikan dan Inovasi 2016, UTHM anjuran Pusat Penyelidikan, Inovasi, Pengkomersilan dan Perundingan (ORICC) pada 15 November 2016.

Kelahiran cahaya mata

Tahniah diucapkan kepada Dr. Muhammad Fikri bin Hasmori kerana telah menerima cahaya mata lelaki yang diberi nama Han Farabi bin Muhammad Fikri pada 5 Oktober 2016.



EDITOR

Dr Nor Haslinda Abas
Nur Nasuha Abd Salam

PENYUMBANG ARTIKEL

Pn Hasniza Abu Bakar
Dr Nor Haslinda Abas
Cik Farahyu Kariya
Pn Siti Khalijah Yaman
Dr Rafikullah Deraman
Dr Muhammad Fikri

